

Headline	Pakej pelancongan, termasuk makan durian mampu tarik pengunjung		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	14	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	422 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,027
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,082



Pakej pelancongan, termasuk makan durian mampu tarik pengunjung

Raub: Pakej pelancongan lengkap dengan pengisian menarik termasuk makan durian, berpotensi dimajukan sebagai produk inovatif sebagai tarikan pengunjung ke negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Asas Tani, Sim Tze Tzin, berkata projek dijadual bermula tahun depan akan diperkenalkan secara menyeluruh sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 (TMM 2020) dan ketika itu adalah musim raja buah berkenaan.

Beliau berkata, pelancong yang berhasrat menikmati durian boleh berkunjung ke Raub dan Bentong di Pahang; Kuang dan Segamat di Johor; Balik Pulau di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan serta Perak.

"Ini berikutan durian tempatan terutama spesies terbaik dan berkualiti banyak ditanam di lokasi berkenaan.

"Tempatnya strategik sekitar dua jam perjalanan dari lapangan

terbang. Selepas makan durian, pengunjung boleh pergi bersiar dan membeli-belah di sekitar kawasan berkenaan," katanya selepas mengadakan lawatan ke dusun durian Tanah Aina di sini, semalam.

Turut serta dalam lawatan itu, beberapa agensi berkaitan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Tourism Malaysia dan Jabatan Pertanian.

Ketika ini terdapat 204 spesies durian ditanam dan mendapat sambutan pengemarnya seperti Durian Raja Kuyit (D197) atau Musang King, D24, Hajah Hasmah atau IOI (D168), Udang Merah (D175) dan Duri Hitam (D200).

Beliau berkata, sektor agropelelancongan menjanjikan pulangan lumayan, menjadi tanggungjawab kementerian melonjakkan potensi industri ini.

"Kita memohon pemain indus-



Tze Tzin (tengah) menunjukkan durian Musang King ketika lawatan ke ladang durian di Raub, Pahang.

[Foto Saifulizan Tamadi/BH]

tri antaranya peladang, petani dan pengilang, melakukan perancangan termasuk menyediakan promosi pakej menikmati durian sempena TMM 2020.

"Ini termasuk memastikan halnya kualiti durian ditawarkan tanpa mengelirukan pelancong.

"Pada masa sama, mempelawa pelancong domestik ke ladang menikmati durian dengan harga pakej lebih berdaya saing.

"Kita sudah menjadikan durian ikon buah tempatan, namun buah-buahan tropika lain seperti langsung, duku, dokong, nangka, cempedak, manggis dan rambutan turut dijual pada pakej durian

Info

240

Varieti durian didaftarkan dengan Jabatan Pertanian

73,740

hektar tanah ditanam pelbagai durian

Grafik BH

ini," katanya.

Beliau berkata, sehingga Mei lalu, sejumlah 565 tan durian sejuk beku bernilai RM24.3 juta dieksport ke China," katanya.

Mengulas kemungkinan terputus bekalan kerana durian bermusim, Tze Tzin berkata, Kementerian sedang mencari jalan untuk memanjangkan musimnya.

"Kita akan melaksanakan teknik tanaman terbaik, jika selama ini, musim durian dua kali setahun, menerusi teknik penanaman dan perladangan inovatif, kita cuba menjadikannya tiga musim setahun," katanya.